

# MyGift UMP, sumbangan korporat bantu pelajar

MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) 4/9/2016 N/S 18

Oleh **LOKMAN HAKIEM  
ABD. SAMAD**

pengarang@utusan.com

■ **KUALA LUMPUR 3 SEPTEMBER**

**K**ESUDIAN sektor korporat menyumbang dana dalam pelbagai bentuk kepada **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** membantu universiti berkenaan menyalurkan semula bantuan dan kemudahan yang diterima untuk pelajar serta komuniti setempat.

Sehubungan dengan itu, pihak universiti memperkenalkan program MyGift UMP dan pelaksanaan program tersebut berjaya meraih kutipan sebanyak RM350,000 melalui pelbagai aktiviti seperti majlis makan malam amal dan kejohanan golf amal.

Naib cancelor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, tujuan utama permohonan dan penerimaan sumbangan tersebut adalah untuk mengembangkan produktiviti pelajar di samping mengurangkan beban bantuan kerajaan.

“Sumbangan yang diterima akan dijadikan sebagai modal untuk menggerakkan aktiviti dan jumlah keseluruhan dana yang diharapkan akan diterima oleh UMP sehingga tahun 2020

boleh mencecah RM40 juta. “Seramai 10 pelajar miskin yang dilihat berpotensi untuk menjadi pelajar cemerlang telah menerima insentif sebanyak RM1,000 sebagai penyuntik semangat untuk mereka melangkah masuk ke alam universiti,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri acara Kejohanan Golf Amal UMP di Glenmerie Golf & Country Club, Shah Alam, Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Unipenta Sdn. Bhd., Datuk Abdul Aziz Khudri berkata, langkah yang diambil oleh UMP merupakan satu usaha yang inovatif dan kreatif kerana melalui dapatan yang diperolehi, pelbagai perkara baik dapat dijayakan.

“Ini adalah satu permulaan yang bagus dan wajar dikekalkan momentumnya kerana kesungguhan pihak UMP membantu pelajar untuk menjadi seseorang yang berjaya akan memberi kesan positif kepada masyarakat dalam pelbagai faktor.”

“Sumbangan yang diperolehi

boleh dijadikan aset kecemasan sekiranya berlaku sebarang bencana alam yang tidak diduga seperti banjir atau tanah runtuh dan setiap sumbangan yang diberikan tidak hanya tertakluk dalam bentuk wang ringgit,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Zainal Abidin Jaffar berkata, bantuan wajar diberi sekiranya usaha tersebut adalah untuk membantu melahirkan modal insan yang berkualiti.

“Pihak universiti wajib menguruskan dana yang diperolehi untuk kemudahan pelajar seperti menambah penyediaan bas harian dan juga keba-

jikan mereka agar setiap pelajar dapat menuntut ilmu dalam keadaan yang baik.

“Selain itu, dana diperolehi perlu dikembangkan melalui aktiviti perniagaan atau perkhidmatan bersesuaian untuk mengelak situasi dana yang diterima habis tanpa melalui proses yang efektif,” katanya.



**DAING NASIR  
IBRAHIM**